

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN RUSNAH BINTI ALUAI
(TANGGA BATU)**

TARIKH : 27 OKTOBER 2021 (RABU)

SOALAN

PUAN RUSNAH BINTI ALUAI minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan adakah Malaysia kekurangan tenaga pengajar kerana ramai guru-guru telah diambil tindakan tatatertib dan diasingkan dari sesi pembelajaran akibat enggan mengambil vaksin.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bertanggungjawab dalam memastikan pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara bersemuka dijalankan dalam persekitaran yang selamat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM tidak akan menghadapi isu kekurangan guru kerana bilangan guru yang tidak divaksin adalah sangat kecil berbanding keseluruhan jumlah guru iaitu 0.5 peratus sahaja.

KPM akan mengambil tindakan sewajarnya berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2021 yang disediakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). KPM akan memastikan guru yang enggan divaksin perlu melengkapkan vaksinasi sebelum 1 November 2021 kecuali mereka yang mendapat pengesahan daripada pengamal perubatan berdaftar. Sekiranya guru tersebut masih gagal mematuhi arahan ini, mereka boleh dikenakan tindakan tatatertib.

Bagi memastikan persekitaran sekolah sentiasa berada dalam keadaan selamat, guru yang tidak divaksin tidak dibenarkan berinteraksi dengan murid dalam dan luar bilik darjah. Guru tersebut perlu melaksanakan tugas-tugas PdP yang diarahkan oleh pentadbir sekolah dari semasa ke semasa. Mereka turut diwajibkan memakai pelitup muka berganda dan pelindung muka semasa berada di kawasan sekolah.

KPM yakin pendekatan dan usaha yang berterusan ini dapat mewujudkan persekitaran sekolah yang selamat sepanjang sesi PdP secara bersemuka.